



DANA BERKAITAN-PELABURAN
Laporan Prestasi Dana
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017



Contents

	Muka surat
Utusan Pengarah	1
Objektif Dana	2
Ulasan Pelaburan	
HLMT i-Balanced Fund	3 – 5
HLMT i-Income Fund	6 – 8
My Steady 10 Plan	9 – 10
HLMT i-Equity Fund	11 – 13
Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap	14 – 15
Tinjauan Pelaburan	16
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	17 - 20
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	21 - 22
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	23 - 24
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	25 – 34
Penyata Pengurus	35
Laporan Juruaudit Bebas	36 - 38



UTUSAN PENGARAH

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi dana Hong Leong MSIG Takaful Berhad bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Kami berharap laporan ini bermaklumat dan berguna dalam membantu anda membuat keputusan pelaburan untuk memenuhi matlamat kewangan anda pada masa hadapan.

Pasaran Malaysia mengalami satu tahun yang menyaksikan dua tempoh yang berbeza di mana ia bermula pada nota yang mencabar kerana perolehan korporat yang mengecewakan serta berlakunya peristiwa yang tidak dijangka di pasaran serantau seperti Brexit dan kemenangan Presiden Donald Trump dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, menjelang separuh kedua tempoh kewangan di bawah semakan, prospek dalam negeri lebih menggalakkan didasari oleh corak penggunaan dalam negeri yang lebih berdaya tahan, pelaksanaan projek infrastruktur serta tinjauan prospek komoditi yang bertambah baik di mana ini adalah positif bagi pengumuman perolehan korporat pada masa akan datang. Indeks FBM Syariah mengakhiri tahun kewangan dengan lebih tinggi sebanyak 106 mata, iaitu naik 5.9%.

Walau apa pun prestasi pasaran saham, kami berbesar hati untuk memaklumkan kepada anda bahawa bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017, Dana Berkaitan Pelaburan kami, iaitu HLMT i-Income Fund, HLMT i-Balanced Fund, HLMT i-Equity Fund dan MY Steady 10 Plan, telah mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi yang konsisten dalam nilai aset bersih seunit serta pulangan purata tahunan berbanding prestasi penanda aras bagi 1 tahun, 3 tahun dan 5 tahun. Anda boleh mendapatkan laporan terperinci dalam seksyen semakan pelaburan pada muka surat 3 hingga 15.

Loh Guat Lan
Pengarah



OBJEKTIF DANA

HLMT i-Balanced Fund bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan yang mengandungi sekuriti patuh Syariah dan pendapatan tetap.

HLMT i-Income Fund bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti patuh Syariah yang berpendapatan tinggi dan sekuriti kecil dalam sekuriti patuh Syariah.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

HLMT i-Equity Fund bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan dalam sekuriti syarikat yang tersenarai dan mematuhi Syariah.



ULASAN PELABURAN

HLMT i-BALANCED FUND


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencapai pulangan positif sebanyak 9.75%, lebih tinggi daripada pulangan penanda aras sebanyak 4.41%. Ini disebabkan oleh pulangan yang lebih baik dicapai dalam pasaran ekuiti dan pendapatan tetap. Pendedahan ekuiti yang lebih tinggi sebanyak 43% berbanding 23% pada tahun lepas membantu pulangan didasari oleh pasaran ekuiti yang lebih teguh semasa tahun kewangan ini. Pada akhir tahun kewangan, 40% daripada nilai aset bersih dilaburkan dalam bon Islam dan 43% dalam ekuiti patuh Syariah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





ULASAN PELABURAN

HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)

Performance of the fund					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM)	6,628,808	6,249,085	6,023,480	5,886,028	5,654,806
Bilangan Unit	4,715,020	4,876,708	4,791,451	4,820,202	4,802,939
NAB seunit (RM)	1.4059	1.2814	1.2571	1.2211	1.1774
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4059	1.2814	1.2598	1.1923	1.1795
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2916	1.241	1.2144	1.1557	1.1414
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	9.75%	1.91%	2.95%	2.51%	2.20%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	9.75%	1.91%	2.95%	2.51%	2.20%
- 3 tahun	4.81%	2.86%	4.23%	2.23%	2.65%
- 5 tahun	4.84%	3.31%	3.69%	3.50%	3.74%
Purata pulangan tahunan – Penanda aras (50% FBM ESI+50% SD)					
- 1 tahun	4.41%	0.79%	-3.58%	6.03%	7.23%
- 3 tahun	0.72%	1.00%	3.11%	5.61%	7.14%
- 5 tahun	3.12%	2.74%	4.69%	9.25%	10.25%

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	43.41	22.94	24.22	20.99	4.33
Bond islam tidak disebutharga	40.21	62.3	63.75	64.68	58.46
Deposits dengan institusi kewangan Islam	16.38	14.76	12.03	14.33	37.21
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN**HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)**

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Perdagangan / Perkhidmatan	41.36	54.61	45.88	44.5	69.19
Barangan Industri	18.88	9.92	22.18	17.31	4.26
Pertanian	6.53	5.63	2.89	3.96	-
Pembinaan	5.78	2.48	6.28	19.06	-
Hartanah	9.25	6.14	11.2	15.17	26.55
Barangan Pengguna	1.97	12.96	11.57	-	-
REITS	3.43	-	-	-	-
Kewangan	2.32	1.47	-	-	-
Infrastruktur	10.48	6.79	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi bon Islam tidak disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Kerajaan	-	-	-	-	15.16
Agensi Kerajaan	-	-	-	-	-
Kewangan	89.32	92.13	92.11	92.16	75.74
Pembinaan	10.68	7.87	7.89	7.84	9.10
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



هونج ليونج م.س.أ.ج. تكافل
HongLeong MSIG Takaful

ULASAN PELABURAN

HLMT i-INCOME FUND


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencapai pulangan sebanyak 4.47%, lebih tinggi daripada pulangan penanda aras sebanyak 3.48%. Ini kerana dana terutamanya dilaburkan dalam sukuk korporat yang menawarkan hasil yang lebih tinggi berbanding dengan Deposit Tetap. Selain itu, nilai saksama pada pasaran (mark-to-market) sukuk korporat juga adalah lebih baik walau pun berlaku kenaikan Sekuriti Kerajaan Malaysia berikutan tempoh bon telah menjadi lebih pendek. Pada akhir tahun kewangan, dana telah dilaburkan sepenuhnya dalam bon Islam.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





ULASAN PELABURAN

HLMT i-INCOME FUND (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM)	3,406,915	3,267,648	3,119,674	2,958,923	2,959,334
Bilangan unit	2,256,800	2,260,723	2,263,055	2,273,146	2,335,896
NAB seunit (RM)	1.5096	1.4454	1.3785	1.3017	1.2669
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.5099	1.4454	1.3785	2.5717	1.2826
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4566	1.381	1.3103	1.2465	1.2208
Jumlah pulangan tahunan dana					
- Pertumbuhan modal	4.47%	4.79%	5.91%	1.59%	3.38%
Purata pulangan tahunan – Dana					
- 1 tahun	4.47%	4.79%	5.91%	1.59%	3.38%
- 3 tahun	5.06%	4.51%	5.53%	2.58%	3.47%
- 5 tahun	5.17%	4.83%	4.72%	4.02%	5.24%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20%FBM ESI+80%SD)					
- 1 tahun	3.48%	1.85%	0.04%	4.13%	4.43%
- 3 tahun	2.15%	1.99%	2.85%	3.85%	4.37%
- 5 tahun	3.13%	2.68%	3.44%	5.79%	6.00%

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Bond islam tidak disebutharga	100.00	88.28	100.00	100.00	85.05
Deposit dalam institusi kewangan Islam	-	11.72	-	-	14.95
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



ULASAN PELABURAN

HLMT i-INCOME FUND (SAMB.)

Komposisi bon Islam tidak disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Kerajaan	13.99	-	-	-	-
Agensi Kerajaan	-	16.28	14.98	16.93	-
Telekomunikasi	-	-	-	9.02	36.25
Infrastruktur	25.11	-	-	-	21.65
Kewangan	60.90	70.27	72.68	74.05	42.10
Pengangkutan	-	13.45	12.34	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



هونج ليونج م.س.أج. تكافل
HongLeong MSIG Takaful

ULASAN PELABURAN

MY STEADY 10 PLAN


MY Steady 10 Plan, satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan pada kadar indikatif sebanyak 44.20% dan modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset rujukan asas tertakluk kepada kadar Islam.

Tiada caj yang dikenakan ke atas dana ini sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN

MY STEADY 10 PLAN (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2017	2016	2015	2014	2013
Jumlah NAB (RM)	3,816,123	3,676,508	3,565,052	3,607,499	3,553,868
Bilangan unit	2,914,576	2,914,576	3,012,776	3,220,960	3,240,600
NAB seunit (RM)	1.3093	1.2614	1.1833	1.12	1.0967
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3093	1.2614	1.2541	1.121	1.139
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1662	0.934	1.1556	1.0858	1.0864
Jumlah pulangan tahunan dana					
- Pertumbuhan modal	3.83%	6.59%	5.62%	2.07%	9.08%
Purata pulangan tahunan – Dana					
- 1 tahun	3.83%	6.59%	5.62%	2.07%	9.08%
- 3 tahun	5.34%	4.75%	5.76%	3.65%	n/a
- 5 tahun	5.54%	4.75%	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (60 bulan NIDC)					
- 1 tahun	3.27%	3.38%	2.91%	3.46%	3.15%
- 3 tahun	3.19%	3.25%	3.17%	3.27%	n/a
- 5 tahun	3.23%	3.22%	n/a	n/a	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2017	2016	2015	2014	2013
Pelaburan berstruktur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل
HongLeong MSIG Takaful

ULASAN PELABURAN

HLMT i-EQUITY FUND


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencapai pulangan sebanyak 7.13%, lebih tinggi daripada pulangan penanda aras sebanyak 5.30%. Pulangan yang lebih baik bagi dana adalah kerana prestasi kukuh saham utama seperti Sime Darby, Inari dan SP Setia. Pada akhir tahun kewangan, 82% daripada nilai aset bersih dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah. Kami akan terus melabur dalam nama-nama berkualiti yang boleh menawarkan pertumbuhan perolehan dengan pengurusan modal yang mantap.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2017

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





ULASAN PELABURAN

HLMT i-EQUITY FUND (SAMB.)

Prestasi Dana				
	2017	2016	2015	2014
Total NAB (RM)	15,264,156	12,763,056	2,807,926	1,934,272
Bilangan unit	12,631,470	11,314,819	2,443,388	1,638,151
NAB seunit (RM)	1.2084	1.128	1.1492	1.1808
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2596	1.128	1.196	1.1232
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1414	1.104	1.1488	1.0156
Jumlah pulangan tahunan dana				
- Pertumbuhan modal	7.13%	-1.83%	-2.71%	8.09%
Purata pulangan tahunan – Dana				
- 1 tahun	7.13%	-1.83%	-2.71%	8.09%
- 3 tahun	0.77%	1.43%	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan				
- Penanda aras (80% FBM ESI+20%SD)				
- 1 tahun	5.24%	-0.10%	-6.66%	7.24%
- 3 tahun	-0.61%	0.00%	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %			
	2017	2016	2015	2014
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	82.05	50.27	62.53	61.91
Deposits dengan institusi kewangan Islam	17.95	49.73	37.47	38.09
	100.00	100.00	100.00	100.00



ULASAN PELABURAN

HLMT i-EQUITY FUND (SAMB.)


	Komposisi ekuiti Islam dan unit amanah mengikut sektor			
	Wajaran %			
	2017	2016	2015	2014
Perdagangan / Perkhidmatan	47.73	53.65	66.99	65.42
Harta	7.19	4	11.49	10.84
Pembinaan	8.8	2.31	7.33	8.37
Infrastuktur	6.08	11.46	4.21	5.09
Pertanian	2.53	13.79	4.76	10.28
Barangan Pengguna	1.11	3.03	5.22	-
Kewangan	2.33	0.38	-	-
Teknologi	5.25	3.86	-	-
Barangan Industri	16.87	7.52	-	-
REITS	2.11	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00



ULASAN PELABURAN

Pasaran Ekuiti

Indeks FTSE Malaysia Emas Shariah (1 Julai 2016 – 30 Jun 2017)



Source: Bloomberg

Bagi tahun kewangan di bawah semakan, pasaran bermula dengan ketidaktentuan di mana para pelabur bimbang tentang langkah kenaikan kadar Fed, implikasi daripada undi Brexit yang berlaku sebelum ini dan kemenangan Donald Trump yang tidak dijangka dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat pada November 2016. Akibatnya, para pelabur tidak pasti mengenai dasar AS dan kesannya kepada pertumbuhan, kadar faedah, kekuatan dolar AS serta gelombang sentimen anti-pihak berkuasa yang berkembang di rantau Euro yang meletakkannya dalam ancaman perpecahan. Dengan itu, terdapat aliran keluar modal di seluruh rantau ini dan aliran keluar semakin buruk apabila Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) membayangkan lebih banyak kenaikan kadar akan berlaku pada tahun 2017 yang menyebabkan penyusutan nilai Ringgit kepada serendah RM4.50/US\$.

Latar belakang dalam negeri juga lemah kerana perolehan korporat terus mengecewakan. Kekecewaan terbesar datang daripada sektor minyak & gas, sementara sektor auto, telekom dan perladangan juga tidak menepati jangkaan perolehan.

Walau bagaimanapun, tahun 2017 memaparkan gambaran yang berbeza bagi pasaran ekuiti Malaysia apabila tahun kalender baharu bermula dengan pengumuman transformasi pertama PNB sebagaimana dijangka selepas pelantikan Tan Sri Wahid sebagai Pengurus. Pelupusan UMW Oil and Gas oleh UMW Holdings dan selanjutnya pembubaran gabungan Sime Darby kepada 3 syarikat mandiri meletakkan Malaysia Inc. kembali dalam radar pelabur asing.

Berikutan perkembangan korporat yang menarik di pasaran Malaysia dan meredanya keimbangan mengenai dasar cukai dan perdagangan “tidak mesra Asia” oleh Presiden Trump, para pelabur beralih kembali kepada mod “risiko”. Dengan itu, terdapat aliran masuk dana asing yang besar sebanyak RM10.8bn pada 1H 2017 berbanding jualan bersih sebanyak RM27.9bn pada 2014-2016. Aliran masuk ini juga didorong oleh prospek perolehan korporat yang lebih baik berikutnya musim pelaporan sukuan bulan Disember dan Mac di mana lebih banyak perolehan menepati jangkaan. Terdapat peningkatan perolehan dalam sektor seperti Petrokimia, Pembinaan dan Sarung Tangan.

Akhirnya pertumbuhan KDNK 1Q 2017 sebanyak 5.6% yoy yang diumumkan pada Mei 2017, iaitu pertumbuhan tertinggi sejak 1Q 2015 juga merangsang pasaran yang lebih meluas. Hasil daripada gabungan faktor positif ini, Indeks Syariah mengakhiri tempoh di bawah semakan pada 12,822.15 mata, meningkat sebanyak 5.9%.



ULASAN PELABURAN

Pasaran Pendapatan Tetap

Bagi pasaran pendapatan tetap, tahun kewangan di bawah semakan sesungguhnya penuh dengan peristiwa, mengambil petunjuk daripada satu siri peristiwa global yang tidak pernah berlaku sebelum ini, iaitu keputusan Brexit yang di luar dugaan pada bulan Jun 2016, kemenangan pemilihan presiden Donald Trump yang mengejutkan dan perjanjian OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak. Walau bagaimanapun, antara peristiwa utama ini, pemilihan presiden Trump telah menukar ragam permainan pasaran bon kerana hasil Perbendaharaan AS (UST) terus meningkat apabila pemain pasaran menjangka dasar Trump akan mempercepatkan inflasi dan memacu prospek pertumbuhan. Ini seterusnya mendorong jualan mata wang dan bon pasaran baru muncul dengan USD/MYR susut lebih daripada 5% sementara hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat sebanyak setinggi 90 bps.

Jualan besar-besaran di Malaysia akhirnya mendorong pemilikan asing MGS jatuh kepada 48.4% pada November 2016 (Okt: 51.9%). Walau bagaimanapun, minat belian mula muncul daripada akaun wang benar pesisir dalaman tempatan apabila pemburuan murah untuk nilai bermula walau pun pada jumlah dagangan yang rendah. Separuh pertama tahun kewangan berakhir dengan Rizab Persekutuan (Fed) menaikkan Kadar Dana sebanyak 25 bps pada mesyuarat FOMC bulan Disember.

Melangkah ke tahun 2017, terdapat keimbangan pada awal tahun kalender mengenai kemungkinan keputusan pilihan raya utama di Eropah selepas undi Brexit yang mengejutkan di UK pada tahun 2016 kerana wujud potensi perpecahan Kesatuan Eropah dan pembubaruan Euro. Ini telah berjaya dilegakan berikutan Emmanuel Macron yang pro-EU memenangi dengan kukuh sayap kanan EU-skeptik Marine Le Pen dalam Pilihan Raya Presiden Perancis pada Mei 2017. Sementara itu, ketegangan geopolitik yang berpunca dari Korea Utara juga menyebabkan aliran kepada pelaburan selamat tetapi secara umumnya hasil bon tempatan dan asing adalah meruap terutamanya ketika mesyuarat FOMC semakin hampir. Secara keseluruhannya, Fed menaikkan 50bps lagi pada 1H2017; 25 bps masing-masing pada bulan Mac dan Jun.

Oleh itu, pergerakan hasil MGS adalah meruap menjelaki UST tetapi berada pada arah aliran menurun secara keseluruhan dari Januari-Jun 2017. Sejak pengumuman pelonggaran lindung nilai tukaran asing pesisir dalaman pada 13 April, prospek Ringgit telah menjadi cerah berikutan kemasukan semula aliran asing. Pada bulan tersebut, Bank Negara Malaysia juga membenarkan penjualan MGS yang lebih luas tetapi dikawal selia kepada semua entiti pemastautin. Di samping itu, Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) juga menjadi sekuriti yang layak untuk jualan singkat, demi meningkatkan kecairan dalam dagangan GII dan mengurangkan jurang harga sekuriti ini terhadap MGS. Dengan langkah-langkah ini, kelok MGS meningkat mendadak, dengan hasil lebih rendah sebanyak 15-25bps untuk bon jangka lebih pendek tetapi bon ultra-pajang kurang berprestasi kerana kenaikan dalam penawaran tempoh di kedua-dua sektor kerajaan dan separa-kerajaan.



TINJAUAN PELABURAN

Ketika melangkah ke tempoh yang seterusnya bagi tahun 2017, pasaran ekuiti Malaysia kelihatan mengambil lega yang amat diperlukan selepas kenaikan baru-baru ini. Sebenarnya, kami menjangkakan pasaran mungkin kekal tidak berubah jika tidak berubah menjadi lebih berhati-hati kerana kebimbangan jangka pendek tertentu di dalam dan luar negara.

Satu lagi kebimbangan jangka pendek adalah, terdapat kira-kira RM44.5bn MGS akan matang pada bulan Ogos hingga November 2017. Masih lagi tidak pasti sama ada pelabur asing yang kini memiliki purata 27% daripada MGS tertungggak ini akan menghantar balik wang tersebut apabila matang atau melabur kembali ke dalam MGS. Oleh itu, kami menjangkakan Ringgit dan seterusnya, pasaran ekuiti menjadi meruap ketika menghampiri tarikh matang tersebut.

Bagi risiko luar, kuasa kitaran akan terus memacu gelombang reflasi global yang menyaksikan pemulihan meluas merentasi geografi dan sektor yang memberi manfaat kepada ekonomi berorientasikan eksport dan ekonomi yang dipacukan oleh komoditi seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, keadaan monetari yang ketat tidak dapat dielakkan yang mungkin menjelaskan pertumbuhan global dan menyebabkan "Taper Tantrum Bahagian 2".

Meskipun begitu, wujud keyakinan bahawa sebarang perkara negatif akan diimbangi oleh pengumuman dan penyempurnaan aktiviti M&A seperti rancangan transformasi PNB yang berterusan, khususnya penyenaraian 3 bahagian utama Sime Darby dan penggabungan SP Setia dan Island and Peninsula.

Di samping itu, pada 27 Oktober 2017, Bajet Negara 2018 akan dibentangkan untuk menyeragamkan hala tuju makro dan sasaran Malaysia lebih mendekati Rancangan Malaysia Ke-11. Harapannya adalah ini akan menyumbang dengan baik bagi sektor pembinaan dan bahan pembinaan memandangkan pembangunan infrastruktur akan terus menerima perbelanjaan pembangunan kerajaan yang mantap.

Bagi pendapatan tetap, bank-bank pusat global dijangka berbalik dari dasar monetari akomodatif baru-baru ini di tengah-tengah peningkatan prospek pertumbuhan yang lebih baik dan inflasi. Begitu juga, Fed telah menunjukkan hasratnya untuk mengurangkan pegangan UST dan sekuriti agensi. Fed jika mengurangkan kunci kira-kiranya akan menandakan satu permulaan bagi pengakhiran rangsangan monetari era krisis kewangan yang bermula pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, Fed jika melepaskan program pelonggaran kuantitatif (QE) turut memberi sokongan lanjut bahawa kenaikan kadar faedah akan beransur-ansur membawa kepada kenaikan 25bps (kepada 1.50-1.75%) lagi bagi tempoh selanjutnya bagi tahun 2017 dengan kenaikan 25bps lagi bagi tahun 2018.

Sementara itu, Bank Pusat Eropah baru-baru ini meyakinkan bahawa ia juga akan membalikkan pendiriannya yang akomodatif dan mula melepaskan QE pada waktu tertentu dalam tahun 2018. Dengan jangkaan pengetatan monetari dan pelepasan QE secara global, kami berpendapat bahawa UST akan menjadi meruap kerana sentimen akan ditentukan oleh data ekonomi.

Bagi Malaysia, oleh sebab pasaran MGS mempunyai pemilikan asing yang tinggi yang pada masa ini berjumlah RM149.6bn atau 41.2% daripada jumlah MGS tertungggak (pada Jun 2017), ia masih terdedah kepada pembalikan aliran dana asing. Kami menjangka bahawa jika ada aliran keluar asing, keluk hasil berkemungkinan besar akan mencuram terutamanya bon bertarikh lama. Namun demikian, kami berpendapat bahawa OPR akan dikekalkan pada 3.00% pada tahun kewangan yang akan datang dan MGS akan disokong oleh kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan. Oleh itu, hasil mungkin tidak akan mengalami kenaikan mendadak tetapi jika terdapat sebarang reaksi tindak balas, ia akan menjadi satu peluang yang baik bagi kami menggunakan wang tunai untuk mengunci hasil. Sementara itu, strategi adalah untuk memberi tumpuan kepada tawaran utama sambil meneroka peluang dagangan pasaran tempatan atau luar pesisir untuk peningkatan hasil.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل
HongLeong MSIG Takaful

MAKLUMAT KEWANGAN

PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 30 JUN 2017

Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
ASET				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	3 3,033,822	-	-	12,101,756
Bon Islam tidak disebutharga	3 2,810,284	3,629,282	-	-
Pelaburan berstruktur	3 -	-	4,637,937	-
Keuntungan terakru	14,692	30,197	-	-
Deposit dengan institusi kewangan Islam	1,144,477	-	-	2,648,265
Jumlah pelaburan	7,003,275	3,659,479	4,637,937	14,750,021
Lain-lain asset:				
Cukai boleh diperolehi semula	-	-	-	-
Pelaburan belum terima	8,146	-	-	30,770
Lain-lain belum terima	-	-	-	355,724
Tunai dan kesetaraan tunai	96,530	18,934	-	252,800
Jumlah lain-lain aset	104,676	18,934	-	639,294
JUMLAH ASET	7,107,951	3,678,413	4,637,937	15,389,315

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



PENYATA ASET DAN LIABILITI
PADA 30 JUNE 2017 (SAMB.)

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
LIABILITI				
Liabiliti cukai tertunda	12,735	2,822	81,916	57,569
Peruntukan bagi cukai	51,391	25,000	-	67,600
Lain-lain belum bayar	415,016	243,676	739,897	-
JUMLAH LIABILITI	479,142	271,498	821,813	125,169
ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL				
	6,628,809	3,406,915	3,816,124	15,264,156
DIWAKILI OLEH				
Nilai unit	8,070,185	2,344,692	2,818,086	14,522,048
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,441,376)	1,062,223	998,038	742,108
	6,628,809	3,406,915	3,816,124	15,264,156
Nilai aset bersih hak pemegang sijil unit	1.4059	1.5096	1.3093	1.2084

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



هونج ليونج م.س.أج. تكافل
HongLeong MSIG Takaful

PENYATA ASET DAN LIABILITI
PADA 30 JUN 2016

		HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
ASET					
Pelaburan:	3	1,408,663	-	-	6,155,866
Sekuriti ekuiti Islam disebut harga di Malaysia	3	3,807,516	3,143,422	-	-
Bon Islam tidak disebut harga	3	-	-	4,486,179	-
Pelaburan berstruktur		18,219	18,879	-	-
Keuntungan terakru					
Deposit dengan institusi kewangan Islam		906,078	420,107	-	6,089,291
Jumlah pelaburan		6,140,476	3,582,408	4,486,179	12,245,157
Lain-lain aset:					
Cukai boleh diperolehi semula		-	-	-	2,400
Pelaburan belum terima		3,695	-	-	15,540
Lain-lain belum terima		28,706	-	-	413,016
Tunai dan kesetaraan tunai		310,111	-	-	284,107
Jumlah lain-lain aset		342,512	-	-	715,063
JUMLAH ASET		6,482,988	3,582,408	4,486,179	12,960,220

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



PENYATA ASET DAN LIABILITI
PADA 30 JUN 2016 (SAMB.)

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
LIABILITI				
Liabiliti cukai tertunda	8,943	3,213	69,774	2,501
Peruntukan bagi cukai	5,391	12,000	-	-
Lain-lain belum bayar	219,569	299,547	739,897	194,663
JUMLAH LIABILITI	233,903	314,760	809,671	197,164
 ASET BERSIH HAK PEMEGANG	 6,249,085	 3,267,648	 3,676,508	 12,763,056
 DIWAKILI OLEH				
Nilai unit	8,129,820	2,336,802	2,818,087	13,173,305
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,880,735)	930,846	858,421	(410,250)
	6,249,085	3,267,648	3,676,508	12,763,056
 Nilai asset bersih hak pemegang sijil seunit	 1.2814	 1.4454	 1.2614	 1.128

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Pendapatan pelaburan :				
Keuntungan pelaburan	166,064	160,566	-	121,260
Pendapatan dividen	88,886	-	-	280,626
Keuntungan bersih direalisasi daripada penjualan pelaburan	322,447	1,000	-	468,846
Keuntungan modal atas pelaburan belum direalisasi	121,933	-	151,758	730,635
Lain-lain pendapatan	-	-	-	-
Jumlah pendapatan	699,330	161,566	151,758	1,601,367
Kerugian direalisasi bersih atas penjualan pelaburan	-	-	-	-
Kerugian modal atas pelaburan belum direalisasi	(74,532)	(4,890)	-	-
Yuran pengurusan pelaburan	(125,413)	(10,187)	-	(252,510)
Lain-lain perbelanjaan	(10,234)	(2,142)	-	(71,433)
Jumlah perbelanjaan	(210,179)	(17,219)	-	(323,942)
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan sebelum cukai	489,151	144,347	151,758	1,277,424
Perbelanjaan cukai	(49,792)	(12,609)	(12,143)	(125,066)
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan selepas cukai	439,359	131,738	139,615	1,152,358
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dibawa ke hadapan	(1,880,735)	930,486	858,421	(410,250)
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,441,376)	1,062,224	998,036	742,108

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2016

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Pendapatan pelaburan:				
Keuntungan pelaburan	188,799	158,300	-	60,822
Pendapatan dividen	47,727	-	-	65,438
Keuntungan modal atas pelaburan belum direalisasi	14,131	11,149	252,552	-
Lain-lain pendapatan	5,525	-	-	17,392
Jumlah pendapatan	256,182	169,449	252,552	143,652
Kerugian direalisasi bersih atas penjualan pelaburan	(131,627)	(7,254)	-	(86,120)
Kerugian modal atas pelaburan belum direalisasi	-	-	-	(19,489)
Yuran pengurusan pelaburan	(397,517)	(6,509)	-	(214,845)
Lain-lain perbelanjaan	(8,712)	(1,466)	-	(48,640)
Jumlah perbelanjaan	(537,856)	(15,229)	-	(369,094)
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan sebelum cukai	(281,674)	154,220	252,552	(225,442)
Perbelanjaan cukai	(1,131)	(12,604)	(20,204)	-
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan selepas cukai	(282,805)	141,616	232,348	(225,442)
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dibawa ke hadapan	(1,597,930)	789,230	626,073	(184,808)
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,880,735)	930,846	858,421	(410,250)



PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2017

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan	6,249,085	3,267,648	3,676,508	12,763,056
Amaun diterima daripada pemegang sijil bagi penerbitan unit	1,342,501	127,556	-	4,461,658
Amaun dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan unit	(1,402,137)	(120,027)	-	(3,112,916)
	6,189,449	3,275,177	3,676,508	14,111,798
(Perbelanjaan)/pendapatan bersih bagi tempoh kewangan, bersih daripada cukai	395,750	136,237	-	476,790
Keuntungan/(kerugian) bersih belum direalisasi, bersih daripada cukai	43,609	(4,499)	139,615	675,568
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada akhir tahun kewangan	6,628,808	3,406,915	3,816,123	15,264,156

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2016

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan	6,023,480	3,119,674	3,565,052	2,807,926
Amaun diterima daripada pemegang sijil bagi penerbitan unit	946,828	38,513	-	10,282,200
Amaun dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan unit	(438,418)	(32,155)	(120,894)	(101,630)
	6,531,890	3,126,032	3,444,158	12,988,496
(Perbelanjaan)/pendapatan bersih bagi tempoh kewangan, bersih daripada cukai	(295,806)	131,359	-	(212,510)
Keuntungan/(kerugian) bersih belum direalisasi, bersih daripada cukai	13,001	10,257	232,350	(17,930)
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada akhir tahun kewangan	6,246,085	3,267,648	3,676,508	12,758,056

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Aktiviti-aktiviti utama HLMT i-Balanced Fund, HLMT i-Income Fund, My Steady 10 Plan dan HLMT i-Equity Fund (dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana") adalah untuk melabur dalam pelaburan yang mematuhi Syariah yang dibenarkan.

Pengurus Dana adalah Hong Leong MSIG Takaful Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, dimana aktiviti utamanya ialah pengurusan Takaful Keluarga termasuk perniagaan berkaitan pelaburan dan semua kelas perniagaan Takaful Am.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam pengendalian perkara perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Maklumat kewangan telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Penyediaan maklumat kewangan memerlukan penggunaan anggaran dan andaian kritikal yang memberi kesan ke atas amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangkaan pada tarikh maklumat kewangan, dan amaun pendapatan dan perbelanjaan yang dinyatakan semasa tahun kewangan yang dilaporkan. Ia juga memerlukan Para Pengarah kepada Pengurus untuk membuat pertimbangan mereka dalam proses melaksanakan dasar-dasar perakaunan Dana. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Para Pengarah kepada Pengurus mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Walaubagaimanapun, Para Pengarah kepada Pengurus berpendapat tiada anggaran dan andaian yang berisiko tinggi untuk menyebabkan pelarasan material ke atas amaun dibawa aset dan liabiliti hingga ke tahun kewangan seterusnya dan tiada dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan sewajarnya untuk dilaksanakan.



هوغ ليونج م.س.أ.ج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

- (b) Aset kewangan nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Dana menetapkan portfolio pelaburannya dalam nilai saksama melalui untung atau rugi aset kewangan pada permulaannya bagi melupuskan atau mengurangkan secara ketara pengukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang sebaliknya akan timbul apabila mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf untung dan rugi ke atasnya pada asas yang berlainan.

Aset kewangan yang dikelaskan sebagai FVTPL pada permulaannya dinyatakan pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan diukur semula pada nilai saksama dengan pelarasan nilai saksama serta untung dan rugi direalisasikan diiktiraf dalam pernyataan pendapatan dan perbelanjaan.

- (c) Nilai saksama aset kewangan

Nilai saksama bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan sekuriti korporat tidak disebut harga adalah berdasarkan petunjuk harga/indeks pasaran yang saksama dengan merujuk kepada sebut harga yang diberikan oleh bank dan para broker.

Nilai saksama sekuriti disebut harga adalah berdasarkan harga pasaran semasa. Jika pasaran bagi aset kewangan tidak aktif, Pengurus akan menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Ini termasuk penggunaan transaksi tulus terkini, dengan merujuk kepada instrumen lain yang hampir sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model opsyen harga.

Pelaburan berstruktur adalah pelaburan di mana sebahagian daripada dana dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap yang diterbitkan oleh institusi kewangan manakala baki dana dilaburkan dalam instrumen yang dikaitkan dengan prestasi satu atau lebih harga, kadar, indeks, sekuriti dan instrumen kewangan lain. Pelaburan berstruktur dinilai pada nilai saksama, dengan merujuk kepada sebut harga yang diberikan oleh institusi kewangan yang menerbitkannya.

Tunai di bank dan deposit dengan institusi kewangan berlesen dinyatakan pada anggaran nilai dibawa pada tarikh pernyataan aset dan liabiliti.



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل

Hong Leong MSIG Takaful

NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Matawang asing

(i) Matawang fungsian dan pembentangan

Maklumat kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu matawang fungsian dan pembentangan Dana.

(ii) Transaksi dan baki matawang asing

Transaksi matawang asing ditukar kepada matawang fungsian menggunakan kadar pertukaran pada tarikh transaksi. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing akibat daripada penyelesaian transaksi tersebut dan daripada transaksi pertukaran asing pada hujung tahun bagi aset dan liabiliti monetari yang didenominasi dalam matawang asing telah dinyatakan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(e) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai dan deposit panggilan dengan institusi kewangan Islam dengan tempoh kematangan tiga bulan atau kurang.

(f) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujudnya hak untuk menerima dividen tersebut.

Keuntungan pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar efektif aset.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelupusan pelaburan dikredit atau dicajkan kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(g) Yuran pengurusan pelaburan

Yuran pengurusan pelaburan dikira menurut peruntukan dalam dokumen sijil berkaitan-pelaburan dan dicaj kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan apabila ditanggung.



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Cukai

Cukai dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai yang dijangkakan perlu dibayar berdasarkan pendapatan bercukai bagi tahun kewangan tersebut mengikut kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh penyata aset dan liabiliti dan sebarang pelarasan terhadap cukai perlu dibayar berhubung dengan tahun

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata aset dan liabiliti antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam maklumat kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam transaksi selain daripada kombinasi perniagaan yang pada masa transaksi tidak memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan atau yang boleh dikenakan cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dikenakan cukai akan tersedia ada dimana perbezaan sementara yang boleh ditolak cukai atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(i) Penerbitan unit bersih

Penerbitan unit bersih merupakan caruman yang dibayar oleh pemegang sijil sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penerbitan unit bersih diiktiraf apabila diterima.

(j) Pembatalan unit bersih

Pembatalan unit bersih merupakan pembatalan unit yang timbul daripada penyerahan semula dan pengeluaran oleh pemegang sijil. Pembatalan diiktiraf apabila kontrak takaful yang berkaitan diserahkan.



NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

3 INVESTMENTS

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2017 (RM)	% nilai aset bersih
HLMT I-BALANCED FUND				
<u>Bon Islam tidak disebutharga:</u>				
Bon Islam:				
- CIMB Islamic Bank Berhad	500,000	500,000	499,940	7.54%
- Gamuda Berhad	300,000	300,930	300,180	4.53%
- BGSM Management Sdn Bhd	200,000	201,260	201,578	3.04%
- BGSM Management Sdn Bhd	300,000	302,610	306,726	4.64%
- Hong Leong Islamic Bank	500,000	500,025	501,450	7.56%
- Imtiaz Sukuk Berhad	1,000,000	1,000,000	1,000,410	15.09%
Jumlah bon Islam tidak disebutharga	2,800,000	2,804,825	2,810,284	42.40%
Laporan Juruaudit Bebas				
<u>di Malaysia</u>				
Perdagangan/Perkhidmatan:				
- Pharmaniaga Bhd	15,527	90,603	74,995	1.13%
	35,000	490,050	494,900	7.47%
- Media Chinese International	15,000	70,238	68,700	1.04%
- Dialog Group Bhd	31,900	34,895	16,429	0.25%
- Dayang Enterprise Holdings Bhd	57,576	34,927	110,546	1.67%
- Sunway Berhad	20,000	20,428	20,600	0.31%
- STAR Media Group Bhd	10,000	35,654	39,200	0.59%
- SIME Darby Bhd	15,000	39,508	35,100	0.53%
- IHH Healthcare Bhd	35,459	267,100	336,861	5.08%
	10,000	66,009	57,500	0.87%
	245,462	1,149,412	1,254,831	18.94%

REITS:

- KLCC Property Holdings Bhd	13,000	98,465	103,870	1.57%
------------------------------	--------	--------	---------	-------

Kewangan:

- BIMB Holdings Bhd	15,500	62,097	70,525	1.06%
---------------------	--------	--------	--------	-------



NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

3 PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2017 (RM)	% nilai aset bersih
HLMT I-BALANCED FUND (CONT'D)				
<u>Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia: (samb.)</u>				
Barangan industri:				
- DRB-Hicom Bhd	50,000	125,188	89,000	1.34%
- Inari Amertron Bhd	14,000	21,220	29,540	0.45%
- Kerjaya Prospek Group Bhd	20,000	61,039	65,200	0.98%
- KESM Industries Bhd	9,000	66,213	140,580	2.12%
- Lafarge Malayan Cement Bhd	5,000	27,585	27,750	0.42%
- Pecca Group Bhd	33,000	62,856	53,130	0.80%
- Petronas Chemical Group Bhd	10,000	69,988	71,000	1.07%
- Scientex Incorporated Bhd	5,000	39,000	44,000	0.66%
- Success Transformer Corp Bhd	14,600	59,710	52,706	0.80%
	160,600	532,799	572,906	8.64%
Pertanian:				
- Boustead Plantations Bhd	30,000	48,480	48,900	0.74%
- Kuala Lumpur Kepong Bhd	6,000	141,322	149,280	2.25%
	36,000	189,802	198,180	2.99%
Infrastruktur:				
- DIGI.com Bhd	40,000	197,843	200,000	3.02%
- Lingkaran Trans Kota Holdings	20,000	117,039	117,800	1.78%
	60,000	314,882	317,800	4.80%
Barangan Pengguna:				
- UMW Holdings Bhd	10,000	108,183	59,700	0.90%
Hartanah:				
- IOI Properties Group Bhd	15,000	32,220	33,000	0.50%
- Titijaya Land Bhd	40,000	70,405	65,200	0.98%
- SP Setia Bhd	30,748	94,148	107,311	1.62%
- SP Setia Bhd - RCPS-I	67,143	71,570	75,200	1.13%
	152,891	268,343	280,711	4.23%



NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

3 PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2017 (RM)	% nilai aset bersih
HLMT I-BALANCED FUND (CONT'D)				
Pembinaan:				
- Gamuda Bhd	13,000	61,284	71,500	1.08%
- IJM Corporation Bhd	30,000	99,328	103,800	1.57%
	43,000	160,612	175,300	2.65%
Jumlah sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	736,453	2,884,595	3,033,822	45.78%
Jumlah keseluruhan	3,536,453	5,689,420	5,844,106	88.18%

HLMT I-INCOME FUND

Bon Islam tidak disebutharga:

- CIMB Islamic Bank Berhad	500,000	500,000	499,940	14.67%
- Imtiaz Sukuk Berhad	500,000	500,000	500,205	14.68%
- BGSM Management Sdn Bhd	200,000	201,740	204,484	6.00%
- P. Tabung Pendidikan Tinggi	500,000	501,490	507,810	14.91%
- Hong Leong Islamic Bank	500,000	500,025	501,450	14.72%
- Malaysia Airports Holdings	400,000	400,000	421,088	12.36%
- RHB Islamic Bhd	500,000	500,000	503,945	14.79%
- Projek Lebuhraya Usahasama Bhd	500,000	490,750	490,360	14.39%
Jumlah keseluruhan	94,705	532,605	457,425	3.00%



NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

3 PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2017 (RM)	% nilai aset bersih
HLMT I-EQUITY FUND				
<u>Sekuriti ekuiti Islam disebut harga di Malaysia:</u>				
Perdagangan/Perkhidmatan				
- Axiata Group Berhad	94,705	532,605	457,425	3.00%
- IHH Healthcare Berhad	81,000	525,329	465,750	3.05%
- Berjaya Auto Berhad	85,000	186,840	170,850	1.12%
- Dialog Group Bhd	70,000	133,429	134,400	0.88%
- Media Chinese International	257,000	225,261	132,355	0.87%
- Maxis Berhad	50,000	281,960	277,500	1.82%
- OCK Group Berhad	160,000	147,280	153,600	1.01%
- Pantech Group Holdings Berhad	250,000	141,774	145,000	0.95%
- Pharmaniaga Bhd	33,000	123,638	151,140	0.99%
- Petronas Dagangan Bhd	9,000	220,263	216,900	1.42%
- Yinson Holdings Bhd	72,000	216,841	263,520	1.73%
- Sime Darby Bhd	118,198	908,929	1,122,881	7.36%
- STAR Media Group Bhd	63,500	163,947	148,590	0.97%
- SapuraKencana Petroleum Bhd	125,000	182,400	198,750	1.30%
- Tenaga Nasional Bhd	87,000	1,157,833	1,230,180	8.06%
- Telekom Malaysia Bhd	20,950	114,884	139,318	0.91%
- Sunway Berhad	65,000	231,717	254,800	1.67%
- Dayang Enterprise Holdings Bhd	110,000	112,352	113,300	0.74%
	1,751,353	5,607,282	5,776,259	37.85%
Hartanah:				
- IOI Properties Group Bhd	100,000	214,778	220,000	1.44%
- Titijaya Land Berhad	100,000	163,755	163,000	1.07%
- SP Setia Bhd	80,128	258,321	279,647	1.83%
- SP Setia Bhd - RCPS-I	185,720	202,244	208,006	1.36%
	465,848	839,098	870,653	5.70%
REITS:				
- KLCC Property Holdings Berhad	32,000	244,542	255,680	1.68%



NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

3 PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2017 (RM)	% nilai aset bersih
HLMT I-EQUITY FUND (CONT'D)				
<u>Sekuriti ekuiti Islam disebut harga di Malaysia: (samb.)</u>				
Pembinaan:				
- Gamuda Bhd	54,000	254,216	297,000	1.95%
- WCT Engineering Bhd	80,000	147,405	164,800	1.08%
- Ahmad Zaki Resources Bhd	150,000	139,460	165,000	1.08%
- Gabungan AQRS Berhad	120,000	140,921	168,000	1.10%
- IJM Corporation Berhad	78,000	256,377	269,880	1.77%
	482,000	938,379	1,064,680	6.98%
Pertanian:				
- Boustead Plantations Bhd	20,000	32,320	32,600	0.21%
- Kuala Lumpur Kepong Berhad	11,000	259,483	273,680	1.79%
	31,000	291,803	306,280	2.00%
Infrastruktur:				
- Digi.Com Bhd	100,000	471,470	500,000	3.28%
- Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad	40,000	232,779	235,600	1.54%
	140,000	704,249	735,600	4.82%
Barangan industri:				
- Chemical Company of Malaysia Bhd	100,000	145,889	156,000	1.02%
- Kerjaya Prospek Group Bhd	50,000	152,599	163,000	1.07%
- Lafarge Malayan Cement Bhd	30,000	171,609	166,500	1.09%
- Petronas Chemicals Group Berhad	75,000	499,585	532,500	3.49%
- Pecca Group Bhd	100,900	178,932	162,449	1.06%
- SKP Resources Bhd	135,000	184,280	176,850	1.16%
- Scientex Incorporated Bhd	25,000	195,000	220,000	1.44%
- Success Transformer Corp Bhd	54,000	218,362	194,940	1.28%
- V.S Industry Bhd	130,000	183,449	269,100	1.76%
	699,900	1,929,705	2,041,339	13.37%



NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

3 PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2017 (RM)	% nilai aset bersih
HLMT I-EQUITY FUND (CONT'D)				
<u>Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia:</u>				
Teknologi:				
- Inari Amerton Berhad	175,000	270,012	369,250	2.42%
- KESM Industries Bhd	17,000	125,068	265,540	1.74%
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Barangan Pengguna:				
- O&C Resources Bhd	215,000	131,150	134,375	0.88%
Kewangan:				
- BIMB Holdings Berhad	62,000	252,276	282,100	1.85%
Jumlah sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	4,071,101	11,333,564	12,101,756	79.29%
MY STEADY 10 PLAN				
<u>Pelaburan berstruktur:</u>				
- Standard Chartered Saadiq	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	3,614,000	3,614,000	4,637,937	121.54%

4 JADUAL PRESTASI

Jadual prestasi Dana dibentangkan di muka surat 3 hingga 13 dalam laporan prestasi dana.



هوج ليونج م.س.أ.ج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

PENYATA PENGURUS

DANA BERKAITAN-PELABURAN, merangkumi
HLMT i-Balanced Fund
HLMT i-Income Fund
My Steady 10 Plan
HLMT i-Equity Fund

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

Saya, Loh Guat Lan, selaku Pengarah Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada muka surat 17 hingga 34 telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

LOH GUAT LAN

19 September 2017



هوج ليونج م.س.أج. تكافل
HongLeong MSIG Takaful

LAPORAN JURUAUDIT

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SIJIL
DANA BERKAITAN-PELABURAN HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD YANG MERANGKUMI
HLMT i-BALANCED FUND
HLMT i-INCOME FUND
MY STEADY 10 PLAN
HLMT i-EQUITY FUND

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

LAPORAN MAKLUMAT KEWANGAN

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana, yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 30 Jun 2017, penyata pendapatan dan perbelanjaan, dan penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada maklumat kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, sebagaimana dibentangkan pada muka surat 17 hingga 34.

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 yang diiringi telah disediakan, dalam semua aspek penting, mengikut dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans/Perniagaan Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Asas kepada pendapat

Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan lebih lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab juruaudit untuk audit maklumat kewangan" dalam laporan kami. Kami bebas daripada Dana mengikut keperluan etika yang berkaitan dengan audit kami mengenai maklumat kewangan di Malaysia, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut keperluan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas kepada pendapat kami.

Penekanan hal – asas perakaunan

Kami menarik perhatian kepada Nota 2 kepada maklumat kewangan, yang menerangkan asas perakaunan. Maklumat kewangan disediakan untuk membantu Dana untuk memenuhi keperluan Garis Panduan mengenai Insurans/Perniagaan Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami hanya bertujuan untuk pemegang polisi Dana dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak selain daripada pemegang polisi Dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkaitan perkara ini.

Tanggungjawab Pengurus Dana dan mereka yang diberikan kuasa tadbir urus untuk maklumat kewangan.

Pengurus Dana bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana mengikut dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans/Perniagaan Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, dan bagi kawalan dalaman sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan Dana yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.



هوغ ليونج م.س.أ.ج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SIJIL
DANA BERKAITAN-PELABURAN HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD YANG MERANGKUMI
HLMT i-BALANCED FUND
HLMT i-INCOME FUND
MY STEADY 10 PLAN
HLMT i-EQUITY FUND

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

Tanggungjawab Pengurus Dana dan mereka yang diberikan kuasa tadbir urus untuk maklumat kewangan (SAMB.)

Dalam menyediakan maklumat kewangan Dana, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana untuk menerus sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika Pengurus berniat untuk membubarkan Dana atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi harus bertindak sedemikian.

Mereka yang diberikan kuasa untuk tadbir urus adalah bertanggungjawab memantau proses pelaporan kewangan Dana.

Tanggungjawab juruaudit untuk audit maklumat kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada maklumat kewangan secara keseluruhannya bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila ianya wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau secara terkumpul, mereka dijangka secara munasabah dapat mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan maklumat kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material maklumat kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit sebagai maklum balas terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang sengaja, salah nyata, atau penolakan kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang sesuai dalam keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.



هوغ ليونج م.س.أ.ج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SIJIL
DANA BERKAITAN-PELABURAN HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD YANG MERANGKUMI
HLMT i-BALANCED FUND
HLMT i-INCOME FUND
MY STEADY 10 PLAN
HLMT i-EQUITY FUND

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

Tanggungjawab juruaudit untuk audit maklumat kewangan (SAMB.)

- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin memberikan keraguan yang signifikan mengenai keupayaan Dana untuk menerus sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam maklumat kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan mungkin menyebabkan Dana tidak lagi diteruskan sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan mereka yang diberi kuasa tadbir urus berhubung, antara perkara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF:1146)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

19 September 2017

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Level 5, Tower B
PJ City Development
15A, Jln 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor

www.hlmtakaful.com.my